



Hasil kerja kumpulan dalam menjalankan tugas 'Alam Sekitar'

## Melahirkan Graduan Berminda Kelas Pertama, Mahasiswa UMS Sertai Simposium Antarabangsa

**Humanitarian Affairs United Kingdom (UK) dengan kerjasama Kerajaan Kemboja telah menganjurkan program tahunan yang dikenali sebagai University Scholars Leadership Symposium buat kali yang ke-5. Simposium ini diadakan di ibu negara Kemboja iaitu Bandaraya Phnom Pen bermula dari 1 ogos sehingga 7 Ogos 2014. Kerajaan Kemboja yang diterajui Perdana Menteri Samdech Hun Sen menegaskan bahawa simposium ini sangat penting bagi ransangan dan membentuk nilai kepimpinan buat para belia khususnya mahasiswa universiti.**

Simposium ini mendapat penyertaan dari 47 buah negara dari seluruh benua antaranya Malaysia, Brunei, Australia, New Zealand, Sri Lanka, Afrika Selatan, Kanada, Korea, Jepun, Hong Kong, China, Thailand, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Amerika Syarikat dan sebagainya. Ini menjadikan jumlah keseluruhan dari 100 buah universiti dari pelbagai negara mendapat penyertaan seramai lebih kurang 700 orang ahli delegasi. Tujuan utama penganjuran simposium ini adalah untuk memberi pendedahan kepada generasi muda terhadap sebarang cabaran dalam perubahan pembangunan sesebuah negara. Di samping itu, memberikan motivasi dan galakkan kepada generasi muda melalui perkongsian pengalaman dari penceramah terkemuka dalam pelbagai bidang kemanusiaan.

Dalam simposium ini, terdapat beberapa nama besar yang menjadi 'speaker' simposium antaranya ialah Pushpa Basnet yang merupakan pemenang anugerah 'CNN Hero of the Year 2012' dan Robin Lim yang merupakan pemenang anugerah 'CNN Hero of the Year 2011'. Antara penceramah yang turut dijemput adalah Hun Many, Geraldine Cox,

Francis Kong, Pamela Wigglesworth, Ponheary Ly, Christian Marie dan Pallas Hupe' Cotter.

Bagi peringkat universiti pula, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar dua orang pelajar iaitu Presiden Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2013/2014, Fandy Sanizan Jurup dan Mohd Rizuan Jamri yang merupakan Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa.

Slot ceramah yang disampaikan Hun Many yang juga merupakan Presiden Persatuan Belia Kemboja menyentuh kepada pembangunan sosial yang berlaku di Kemboja. Sebagai ketua kepada persatuan belia, beliau menggesa kepada semua ahli delegasi terutamanya orang tempatan untuk bersama-sama membantu dalam mengurangkan permasalahan pembangunan di Kemboja. Beliau bukan sahaja menyeru kepada pembangunan sosial tetapi meminta kepada semua delegasi untuk menyumbang idea kepada pembangunan dalam pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Berbeza pula bagi pengasas kepada Rumah Kanak-Kanak Sunrise Kemboja, Geraldine Cox dalam perkongsiananya kepada semua ahli delegasi memberitahu bahawa adalah menjadi kepuasan kepadanya untuk membantu anak-anak yatim Kemboja. Ini kerana insan-insan yang istimewa ini perlu mendapat kasih sayang yang sewajarnya kerana mereka juga berhak untuk mendapatkan kehidupan yang sempurna.

Para peserta turut diberikan tugas yang dinamakan 'Experiential Learning Journey'. Dalam tugas ini ahli delegasi dibahagikan kepada tiga kumpulan besar yang mana ketiga-tiga kumpulan tersebut diminta pergi ke tempat yang berbeza. Antara tempat

yang dituju adalah Pour un Sourire d'Enfant (PSE) Phnom Penh, Oudong Resort-Ponhealeu District-Kandal Province-Oudong District Kampong Speu Province and Sunrise Children's Villages Organization Phnom Penh.

Fandy dan Rizuan telah memilih untuk pergi ke Daerah Oudong. Semasa di daerah itu mereka menanam 200 anak pokok bersama-sama pelajar di sana sebelum dibawa ke Kampong Speu, sebuah perkampungan yang terkenal dalam industri kraftangan. Pengalaman berada di kampung tersebut cukup membuatkan mereka teruja apatah lagi mendapat kesempatan melihat bagaimana sesuatu barang kraftangan dibuat secara unik bagi tujuan diniagakan kepada para pelancong mahupun orang-orang perseorangan yang suka kepada perhiasan dan kraftangan.

Pada slot seterusnya yang disampaikan Robin Lim, beliau telah menceritakan bagaimana kehidupan seorang kanak-kanak yang ibubapanya berada dipenjara. Beliau yang juga telah berkongsi kepada semua ahli delegasi bahawa terdapat sebuah pusat yang membantu kanak-kanak ini yang mana di dalam pusat itu terdapat bantuan pendidikan, makanan, perubatan dan lain-lain. Kanak-kanak di pusat rawatan yang diasaskannya itu tinggal di sana sejak daripada bayi sehingga umur 21 tahun. Dalam perkongsiananya, beliau juga telah menceritakan bagaimana menguruskan kanak-kanak yang masih kecil tanpa ibu bapa disisi dan cemuhun daripada masyarakat tempatan.

Bagi Pushpa Basnet pula, slot yang disampaikannya menceritakan kisah pasangan suami isteri dari Perancis iaitu Christian dan Marie. Pada perkongsian itu, beliau memberitahu bagaimana anak-anak yang tinggal di rumah mereka diambil dari merata

tempat dan tidak mempunyai tempat tinggal. Mereka juga mengambil kanak-kanak yang dibuang oleh ahli keluarga di sekitar bandar Phnom Penh. Pasangan ini mempunyai pusat perlindungan yang diberi nama Pour un Sourire d'Enfant atau For a Child's Smile. Pusat ini merupakan yang terbesar di Perancis dan beroperasi di lapan buah negara termasuk Kemboja.

Turut diadakan slot bertajuk 'Making of a Young Hero' yang disampaikan Pengarah Urusan bagi Kajian Pembelajaran di Amerika Syarikat, Pamela Wigglesworth. Perkongsian beliau lebih menjurus kepada penceritaan bagaimana seseorang itu boleh dianggap sebagai hero. Menurut beliau, hero bukan hanya merujuk kepada pegawai-pegawai polis, askar, doktor dan sebagainya, tetapi hero yang sebenarnya bagi beliau adalah diri seseorang individu itu sendiri.

Pada hari terakhir, pihak penganjur telah memberikan peluang kepada semua ahli delegasi untuk membuat lawatan percuma ke tiga tempat yang terpilih di sekitar Bandar Phnom Penh. Tempat-tempat yang dilawati adalah Muzium Nasional Kemboja, Istana Diraja Kemboja dan Tapak Bangunan Peninggalan Semasa Kemerdekaan Kemboja S-21. Majlis penutupan simposium itu disempurnakan Perdana Menteri Kemboja, Samdech Hun Sen.

Sesungguhnya, pengalaman yang diperoleh pada simposium tersebut amat bermanfaat untuk meningkatkan keupayaan, kepimpinan dan jati diri. Dalam mengangkat nilai kemanusiaan, penerapan nilai-nilai murni bagi membentuk pemikiran kelas pertama seumpama ini adalah penting dalam usaha melahirkan graduan yang lebih berdaya saing dan memenuhi aspirasi negara dan industri pada masa akan datang.